



Milik siapakah seni silat gayung?

Oleh Magiar Simen

4 APR 1987

DARI mana asalnya seni silat gayung yang kian berkembang di rantau sebelah sini. **PENILAI SILAT.**

Menurut penulis sebuah rencana, seni mempertahankan diri itu berasal dari Indonesia. Tidak disebut tempat asalnya yang khusus. Tidak juga disebut nama gurunya.

Tetapi sebuah rencana lain yang saya baca awal dari itu mendakwa bahawa silat gayung dicipta di Pulau Sudong dalam 1942. Enam tahun kemudian ia diperkenalkan di tanah besar Singapura oleh Meor Abdul Rahman, bekas seorang pegawai polis.

Meor Abdul Rahman pernah menegaskan bahawa silat gayung telah dicipta oleh datuknya di Kepulauan Selatan itu dan diturunkan kepadanya. Beliau sendiri yang bertanggungjawab mengembangkannya. Belum

ada siapa yang menyangkal dakwaan Datuk Meor Rahman — yang kini menjadi Mahaguru Silat Gayung Malaysia.

Apa yang saya ingat di awal tahun-tahun 1950-an ialah silat gayung berkembang di Yang Kit dekat Tanjong Pagar. Antara nama-nama yang bergerak aktif termasuklah Allahyarham Mansor Haji Fadzal, A. Jasni, Husni Ahmad dan lain-lain lagi.

Ramai juga seniman dan seniwati yang khatam menjalani ujian yang antaranya termasuk Allahyarham P. Ramlee, Neng Yatimah, Kasma Booty dan Normadiah. Yang lain-lain saya tidak ingat.

Ada yang mendakwa bahawa silat gayung adalah gabungan dari seni Silat Melayu, Judo dari Jepun dan Kuntau dari China. Kebetulan sekali Allahyarham Mansor adalah seorang Judoka yang agak terkemuka ketika itu.

Namun demikian tidak siapa yang berani mengesahkan. Seorang guru silat gayung yang terkenal di sini hanya sanggup berkata:

"Saya belajar dari Meor Rahman. Saya tidak tahu silat ini ada gabungan tiga seni mempertahankan diri atau pun tidak.

"Saya memang ingin membaca sejarahnya. Tetapi sejauh ini belum ada sejarah silat gayung yang boleh diterima, kecuali dari Meor Rahman sendiri."

Meskipun sebagai anggota pengasas Persekutuan Seni Silat Singapura (Persisi) da-

lam tahun 1970-an lalu, namun saya kurang memberikan perhatian untuk beberapa tahun sehinggalah menyaksikan satu pertunjukan silat di 'Mini Malaysia', Melaka hujung minggu lepas.

Dalam pertunjukan-pertunjukan 1950-an, saya tidak melihat senjata-senjata seperti

lembing atau teck-pee (sejenis senjata yang berasal dari Timur Jauh) digunakan dalam silat gayung. Kalau tidak silap ketika itu hanya parang, keris, belantan dan pisau.

Saya lebih terkejut apabila melihat pesilat-pesilat Singapura, Johor dan Melaka memecahkan genting dengan kepala dan menerajang dengan kaki. Itulah mungkin yang dikatakan pembaharuan atau integrasi judo dan kuntau?

Atau, apakah unsur-unsur baru itu diperapakan untuk disesuaikan dengan kemajuan, sepertimana perkembangan seni silat di Jakarta yang menerapkan gerak langkah kungfu dan tae-kwon-do? Kerana itu agaknya, silat gayung boleh diterima sebagai ciptaan orang Melayu, tetapi bukan 'seni silat Melayu'.

Perbandingannya cukup jauh antara silat gayung dengan silat Harimau, Kemayoran, Sinding, Pukulan, Kuningan, Kuntau Melaka, Sunda dan banyak lagi yang datang dari pelbagai perguruan.

Maka itu tidak ada hujah yang boleh diterima silat gayung berasal dari Indonesia. Ia mungkin satu khayalan. Mereka yang menganggap ciptaan luar itu sebagai yang terbaik adalah hidup di alam mimpi. Dan tidak hairan kalau kita melihat banyak perpecahan dari perpaduan.

Baiklah, saya ingin tahu berapa ramai nanti pesilat-pesilat Singapura yang akan mewakili negara dalam Sukan SEA di Jakarta dalam September nanti? Bagaimana pula dengan pemilihannya? Dan adakah mereka yang telah disingkirkan akan ditimbangkan balik demi keperluan pasukan negara?

- 4 APR 1987

10 APR 1987
150 sertai
pesta silat

B. Harian (M)

MELAKA, Khamis — Seramai 150 ahli silat daripada 20 badan silat di seluruh negara akan mengambil bahagian dalam Pesta Taming Sari di Padang Pahlawan di sini selama dua hari mulai malam esok.

Setiausaha penganjur pesta itu, Encik Salim Kasim, berkata peserta dari Singapura juga akan menyertai pesta itu yang akan bermula jam 8.30 malam.